

1249/1
Sejarah
Kertas 1
September.
2009
1 jam

No. Kad Pengenalan

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Angka Giliran

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009.

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan AM :

1. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A , B , C , dan D.*
2. *Pilih satu jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan.*
3. *Jawab semua soalan.*


Kertas ini mengandungi 13 halaman bercetak

1

- Syed Naquib al-Attas
- Richard Sullivan

Apakah persamaan kedua-dua sarjana di atas berkenaan konsep tamadun?

- A Merangkumi keadilan dan kesempurnaan
- B Merangkumi pembangunan lahiriah
- C Merangkumi pembangunan rohaniah
- D Merangkumi pembangunan lahiriah dan kerohanian




2 Rajah di atas menunjukkan fungsi Zigurat dalam tamadun Mesopotamia. X ialah

- A kerajaan pusat
- B pusat bandar
- C pusat pentadbiran
- D pusat penyimpanan khazanah negara

3 Apakah prinsip utama yang menjadi teras perundangan Tamadun China pada zaman Dinasti Chin?


- I Hukuman berat
- II Bersifat kolektif
- III Sebagai pemulihan
- IV Keputusan pembesar

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV



- 4 Rajah di atas merujuk kepada struktur masyarakat mengikut ajaran Confucius.
Mengapakah Confucius meletakkan golongan petani dalam status yang lebih tinggi?

- A Golongan petani merupakan golongan yang kaya
- B Golongan petani lebih berilmu pengetahuan
- C Golongan petani lebih taat setia kepada raja
- D Golongan petani merupakan tulang belakang ekonomi



- 5 Perkembangan pertanian kerajaan-kerajaan tersebut dipengaruhi oleh
- A tenaga buruh yang ramai
 - B kedudukan yang strategik
 - C sistem pengairan yang baik
 - D teknik pertanian yang moden
- 6 Apakah manfaat masyarakat maritim yang mempunyai kemahiran membuat perahu dan kapal layar dalam kerajaan awal di Asia Tenggara?
- A Membentuk kerajaan berasaskan aktiviti kelautan
 - B Menggalakkan aspek penerokaan dan penjelajahan
 - C Menjadi sumber pekerjaan utama penduduk pesisir pantai
 - D Menjadi tumpuan para pedagang memperbaiki kerosakan kapal

Pada 6 Ogos tahun 610M., bersamaan 17 Ramadhan, wahyu yang pertama telah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. menerusi Jibril.

- 7 Apakah implikasi turunnya wahyu tersebut?
- A Pengisytiharan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pesuruh Allah
 - B Bermula era baru dalam sejarah tamadun masyarakat Arab Jahiliah
 - C Berlaku penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah
 - D Penyebaran dakwah Islamiah secara terbuka
- 8 Apakah langkah yang diambil oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengurangkan tekanan dan penindasan kaum Quraisy terhadap Islam?
- I berhijrah ke Habsyah
 - II berhijrah ke Taif
 - III berhijrah ke Syam
 - IV berhijrah ke Madinah
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Tarikh	Peristiwa
621 Masihi	Perjanjian Aqabah Pertama

- 9 Apakah isi penting Perjanjian Aqabah Pertama di atas?
- A Orang Madinah memeluk agama Islam
 - B Orang Madinah menjemput Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah
 - C Orang Madinah menjamin keselamatan Nabi Muhammad s.a.w.
 - D Orang Madinah berjanji akan beriman kepada Allah


Pembukaan semula kota Makkah

- 10 Apakah faktor utama yang membawa kepada kejayaan pembukaan semula kota Makkah?
- A Pengislaman Abu Suffian dan Abbas
 - B Bertawaf sebanyak tujuh kali mengelilingi Kaabah
 - C Jaminan keselamatan kepada mereka yang terkepung
 - D Sifat pemaaf Nabi Muhammad s.a.w.
- 11 Bagaimanakah Saidina Umar bin al-Khattab dilantik menjadi khalifah?
- A Melalui musyawarah atau syura
 - B Melalui cadangan satu nama sahaja
 - C Melalui pemilihan daripada beberapa calon
 - D Melalui pencalonan oleh sekelompok masyarakat
- 12 Antara berikut yang manakah merupakan punca perpecahan masyarakat Islam semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq?
- I Kewujudan orang Islam yang murtad
 - II Kewujudan gerakan golongan al-Riddah
 - III Kewujudan golongan mawali
 - IV Kewujudan tentera Parsi dan Rom
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- Kerajaan Bani Abbasiyah
- Kerajaan Turki Uthmaniyah

- 13 Apakah persamaan kedua-dua buah kerajaan dalam pengubahsuaian sistem pemerintahan berasaskan Islam di Asia Tenggara?
- A Memperkenalkan institusi kesultanan
 - B Memperkenalkan amalan protokol
 - C Memperkenalkan Adat Perpatih
 - D Memperkenalkan Adat Temenggung

- 14 Islam telah mempengaruhi sistem ekonomi masyarakat Asia Tenggara sejak dahulu lagi.
Apakah nilai-nilai murni yang disarankan dalam bidang ekonomi?
- A Amalan riba
 - B Berjimat cermat
 - C Mencari rezeki yang tidak halal
 - D Perbuatan mengemis




- 15 X merujuk kepada
- A Seni dikir
 - B Puisi Ghazal
 - C Tarian Dabus
 - D Nyanyian Nazam

*Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Sedencing seperti besi*

- 16 Apakah nilai murni yang ditekankan melalui kata-kata perbilangan di atas?
- A Perpaduan
 - B Kerjasama
 - C Persahabatan
 - D Bermasyarakat

- 17 Mengapakah masyarakat Eropah mengalami Zaman Gelap?
- I Kemerosotan perdagangan
 - II Kemerosotan sistem feodal
 - III Kemerosotan golongan baron
 - IV Kemerosotan ilmu pengetahuan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 18 Pada tahun 1842, Akta Lombong telah digubal bagi melindungi kepentingan pekerja di Britain. Antara pernyataan berikut yang manakah berkaitan dengan akta tersebut?
- A Penggunaan mesin ditegah
 - B Pengambilan buruh mahir ditingkatkan
 - C Melarang wanita bekerja di lombong arang batu
 - D Melarang kanak-kanak bawah sembilan tahun bekerja



- 19 Aktiviti ekonomi **X** menghasilkan pengeluaran dalam skala yang kecil. Apakah ekonomi **X**?
- A perdagangan
 - B sara diri
 - C komersial
 - D dwi ekonomi

Seorang buruh
dari China

“Pada mulanya saya diambil oleh *kheh-thau*. Selepas itu saya buat perjanjian untuk bekerja dengan majikan bagi menjelaskan hutang saya.”

- 20 Merujuk kata-kata di atas, buruh tersebut datang ke Tanah Melayu melalui
- A Sistem Kontrak
 - B Sistem Tiket Kredit
 - C Sistem Pengambilan Kakitangan
 - D Sistem Pengambilan Rumah Kongsi

- Portugal
- Sepanyol

- 21 Negara-negara barat di atas melaksanakan dasar inperialismenya di Asia Tenggara pada kurun ke-16. Apakah tujuan asal dasar tersebut?
- A Meluaskan tanah jajahan
 - B Menguasai perdagangan rempah ratus
 - C Menyebarkan agama Kristian
 - D Mentamadunkan penduduk Asia Tenggara

Tahun	Peristiwa
1932	Revolusi Thai

- 22 Apakah implikasi peristiwa di atas kepada Thailand?
- A Menukar nama Siam kepada Thailand
 - B Menamatkan sistem raja berkuasa mutlak
 - C Thailand menjadi sebuah negara berdaulat
 - D Berakhirnya penguasaan ekonomi oleh orang China

- 23 Mengapakah Rentap menyerang pasukan James Brooke di Nanga Skrang?
- A Menghalau James Brooke
 - B Membunuh James Brooke
 - C Menyekat pengaruh James Brooke
 - D Menghalang kezaliman James Brooke
- 24 Apakah faktor luar yang mempengaruhi nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua?
- I Kesedaran politik di Tanah Melayu
 - II Gerakan Pan-Islamisme Sedunia
 - III Gerakan ideology komunis sedunia
 - IV Pengaruh Siam yang mampu mengekalkan kedaulatannya
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 25 Mengapakah Kesatuan Melayu Muda (KMM) dianggap sebagai pertubuhan politik pertama di Tanah Melayu?
- A Diasaskan oleh tokoh politik tempatan
 - B Berjaya menganjur Kongres Melayu
 - C Pertubuhan Melayu yang bersifat kebangsaan
 - D Memulakan perjuangan kebebasan daripada penjajahan
- 26 Apakah ciri keistimewaan pembentukan kerajaan Islam di Madinah berbanding proses pembentukan negara bangsa di Eropah?
- A Penyatuan melalui prinsip Islam
 - B Dijayakan oleh khalifah
 - C Hanya memberi tumpuan kepada umat Islam
 - D Menolak segala fahaman yang berunsur Barat

- 27 Sultan Muhammad II membentuk Sistem Jemaah Menteri untuk memperkemas sistem pentadbiran di Kelantan. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan Sistem Jemaah Menteri?
- A Setiap badan Jemaah Menteri diketuai oleh kerabat diraja
 - B Setiap Jemaah Menteri dianggotai oleh empat pembesar
 - C Menteri menentukan bidang kuasa Sultan Kelantan
 - D Menteri berkuasa mutlak dalam pentadbiran
- 28 Orang Melayu telah mengadakan rapat umum bagi menunjukkan bantahan terhadap Malayan Union kepada ahli-ahli parlimen British. Siapakah ahli parlimen British yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?
- I Sir Harold Briggs
 - II L.D. Gammans
 - III David Reese Williams
 - IV Sir Edward Gent
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 29 Permuafakatan dan kegigihan Raja-raja Melayu berserta pembesar Melayu dalam memperjuangkan hak dan ketuanan Melayu diibaratkan seperti peribahasa
- A Bagai menatang minyak yang penuh
 - B Bagai bulan jatuh ke riba
 - C Bagai aur dengan tebing
 - D Bagai ular meyusur akar

- *Rukun Tiga Belas*
- *Rosli Dhobi*

30 Gerakan penentangan di atas telah berlaku di Sarawak namun tidak berjaya. Mengapa?

- A Kesedaran kebangsaan di Sarawak merosot
- B Kedudukan British di Sarawak terlalu kukuh
- C Pemimpin Sarawak tidak bersatu
- D Gerakan tidak mendapat sokongan penduduk tempatan

Perpaduan kaum adalah asas kemerdekaan bagi Tanah Melayu.
Dato` Onn bin Ja`afar

31 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah langkah pertama tokoh di atas ke arah kemerdekaan Tanah Melayu?

- A Menerima ahli bukan Melayu ke dalam UMNO
- B Memulakan rundingan dan kerjasama dengan kaum lain
- C Mencalonkan Tunku Abdul Rahman sebagai penggantinya
- D Membubarkan UMNO untuk menubuhkan parti pelbagai kaum

Tarikh	Peristiwa
Februari 1956	Rombongan Kemerdekaan

32 Apakah hasil yang dibawa pulang oleh rombongan di atas dari London?

- A Perpaduan kaum
- B Tanah Melayu mendapat kemerdekaan
- C Pengiktirafan gabungan UMNO-MCA-MIC
- D Suruhanjaya mengkaji perlembagaan baru Tanah Melayu

Sultan Brunei : Beta bersetuju dengan Gagasan Malaysia
Pembesar : Tapi tuanku, ada sebuah parti yang menentang.

33. Berdasarkan dialog di atas, siapakah pemimpin parti tersebut?

- A A.M. Azahari
- B Donald Stephen
- C Datu Mustapha
- D Temenggung Jugah

Ganyang Malaysia – 20 Januari 1963

34. Hubungan tegang antara Malaysia dan Indonesia telah tamat apabila peristiwa di atas dihentikan oleh Indonesia.
Apakah yang menamatkan peristiwa di atas?

- A Kekalahan Indonesia
- B Kejatuhan Soekarno
- C Campurtangan Amerika Syarikat
- D Arahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

35. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi.
Apakah peranan perlembagaan?

- A Menentukan kesahihan undang-undang
- B Menjamin kestabilan sesebuah negara
- C Membuat pembahagian kuasa
- D Melindungi kepentingan rakyat

36 Antara berikut, yang manakah menerangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

- I Melantik wakil rakyat
 - II Melantik Perdana Menteri
 - III Mengisytiharkan undang-undang darurat
 - IV Menggubal dasar-dasar kerajaan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Rukun Negara - Diisytihar pada 31 Ogos 1970

37 Berdasarkan pernyataan di atas, Rukun Negara merupakan ideologi negara untuk

- A dijadikan panduan dalam menghadapi kehidupan bermasyarakat
- B dihayati dan dijadikan amalan dalam kehidupan harian
- C dibanggai kerana merupakan identiti bangsa yang merdeka
- D diyakini sebagai cara hidup ke arah kesejahteraan rakyat

Cabaran kelima

Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal, dan bertoleransi.

38 Apakah yang dapat dikaitkan dengan pernyataan di atas?

- I Tidak bertindak melulu
 - II Sedia menerima perubahan
 - III Sentiasa bersifat terbuka
 - IV Bangga dengan apa yang dicapai
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 39 Apakah matlamat penubuhan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)?
- A Mengekalkan keamanan dunia
 - B Membina semangat setia kawan dalam kalangan negara anggota
 - C Mengeratkan hubungan sesama negara Islam
 - D Menggalakkan hubungan berbaik-baik antara negara anggota
- 40 Selain memberi sumbangan dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia turut mendapat bantuandari pada pertubuhan ini. Antara berikut, manakah hasil bantuan daripada OIC?
- I Bank Islam
 - II Pusat Islam
 - III Lembaga Tabung Haji
 - IV Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

1249/2
Sejarah
Kertas 2
September
2009
2 ½ jam

No. Kad Pengenalan

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Angka Giliran

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009.

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian:
Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** Soalan dalam **Bahagian B**
3. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang berasingan yang disediakan
4. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B**


Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
JUMLAH		

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.



1 Ilustrasi di atas menunjukkan tinggalan bandar terancang tamadun Indus.

(a) Namakan **dua** bandar terancang tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan **tiga** ciri bandar terancang dalam tamadun Indus.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(c) Apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar tersebut?

.....

[1 markah]

(d) Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat Indus dapat membina bandar yang terancang?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Bagaimanakah amalan sikap keterbukaan tamadun Indus dapat dicontohi dalam memajukan negara kita?

(i)

(ii)

[2 markah]

Masyarakat Melayu mempunyai peraturan hidupnya tersendiri. Peraturan tingkah laku yang dipersetujui ini kemudiannya telah digubal menjadi undang – undang.

2. a) Namakan **dua** jenis undang – undang yang terdapat dalam masyarakat Melayu.

i)

ii)

[2 markah]

b) Berikan **tiga** perkara yang terkandung dalam Undang- undang Melaka/ Hukum Kanun Melaka.

i)

ii)

iii)

[3 markah]

c) Nyatakan pengaruh Islam terhadap sistem perundangan masyarakat Melayu.

i)

ii)

iii)

[3 markah]

d) Apakah kepentingan undang – undang terhadap negara?

i)

ii)

[2 markah]

Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka telah diiktiraf sebagai sebuah negara dan bangsa. Walaupun kerajaan ini telah runtuh pada tahun 1511, namun warisannya tetap unggul dan masih terus diamalkan di Negeri-Negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan.

3 (a) Berikan **dua** ciri bagi negara dan bangsa kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

- (i)
- (ii)
[2 markah]

(b) Senaraikan warisan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di Negeri-Negeri Melayu.

- (i)
- (ii)
- (iii)
[3 markah]

(c) Sistem pemerintahan di Negeri Sembilan amat berbeza dengan Negeri-Negeri Melayu yang lain. Nyatakan amalan sistem pemerintahan bagi negeri ini.

- (i)
- (ii)
- (iii)
[3 Markah]

(d) Pada pandangan anda, bagaimanakah kita sebagai warganegara dapat memperkukuh negara dan bangsa Malaysia?

- (i)
- (ii)
[2 markah]

Bendera kebangsaan yang dikenali juga dengan nama Jalur Gemilang merupakan salah satu lambang kedaulatan bagi negara kita Malaysia.

4(a) Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan dalam menentukan pemilihan bendera kebangsaan?

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Berikan maksud bagi lambang-lambang berikut;

(i) Warna Kuning

.....

(ii) Bulan Sabit

.....

(iii) Bintang Berpecah Empat Belas

.....

[3 markah]

(c) Mengapakah bendera kebangsaan penting kepada kita?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Sebagai generasi muda, bagaimanakah anda harus berusaha untuk mengukuhkan jati diri sebagai rakyat Malaysia?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

Bahagian B
[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja.

5. (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, senaraikan ciri-ciri kerajaan - kerajaan Maritim.
[6 markah]
- (b) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan Kedah Tua sebagai Kerajaan Maritim di Asia Tenggara?
[9 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah kerajaan maritim perlu berbaik-baik dan bekerjasama dengan kerajaan agraria?
[5 markah]

Kerajaan Bani Abbasiyah telah terbentuk pada tahun 750 Masihi dan mencapai kegemilangan pada abad ke-9 Masihi. Zaman ini telah memperlihatkan peranannya sebagai pusat intelektual dan keilmuan yang telah menyumbang kepada perkembangan ketamadunan dunia secara keseluruhannya.

- 6 (a) Kejatuhan Kerajaan Bani Umayyah telah membawa kepada terbentuknya Kerajaan Bani Abbasiyah. Jelaskan.
[6 markah]
- (b) Terangkan sumbangan kerajaan ini dalam bidang keilmuan.
[10 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah usaha yang harus dilaksanakan oleh Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan ilmu?
[4 markah]

7. a) Pentadbiran penjajah yang mengamalkan diskriminasi dan penindasan tidak disenangi oleh penduduk tempatan telah mencetuskan gerakan nasionalisme.
Jelaskan faktor – faktor pencetus gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.
[7 markah]
- b) Berdasarkan tokoh – tokoh di bawah, nyatakan sumbangan mereka dalam gerakan nasionalisme di Asia Tenggara .
- i) Jose Rizal [3 markah]
 - ii) Raden Adjeng Kartini [3 markah]
 - iii) Phibul Songram [3 markah]
- c) Sebagai generasi selepas merdeka , apakah iktibar yang boleh anda diperolehi daripada perjuangan nasionalis silam ?
[4 markah]
- Pembentukan Malaysia telah berjaya menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan negara – negara jirannya bagi kepentingan bersama.
8. a) Pada pendapat anda, sejauhmanakah aspek politik, ekonomi dan sosial mempengaruhi pembentukan Malaysia.
[8 markah]
- b) Jelaskan peranan Suruhanjaya Cobbold dalam proses pembentukan negara Malaysia.
[8 markah]
- c) Kejayaan pembentukan Malaysia membuktikan ketokohan pemimpin – pemimpin tempatan. Berikan pendapat anda.
[4 markah]

Dasar Luar Malaysia		
Ⓢ Tahap Pertama	-	1957 – 1970
Ⓢ Tahap Kedua	-	1972 – 1976
	-	1976 – 1981
Ⓢ Tahap Ketiga	-	1981 – 2003

9. (a). Huraikan faktor-faktor yang menentukan corak dan arah dasar luar negara Malaysia.
[9 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, terangkan perkembangan dasar luar Malaysia pada tahap kedua.
[6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah dasar luar negara amat penting bagi sesebuah negara?
[5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT